

▼08/03/17-31MST

CNS3639

R GB 08-03 00162 BA661

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan)

PENGUBAHSUAIAN TIDAK JEJAS TUJUAN PINDAAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengubahsuaian yang dibuat terhadap Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 tidak menjejaskan tujuan utamanya iaitu menentukan Raja boleh didakwa di bawah undang-undang negara.

Pengubahsuaian berkenaan adalah hasil daripada beberapa perbincangan di antara kerajaan dengan Raja-raja yang bertujuan memperkemas undang-undang berkenaan dan menjaga kehormatan Raja-raja, katanya.

Semasa membentangkan rang undang-undang itu dengan pengubahsuaian pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini, beliau berkata perbezaan antara pindaan asal dan yang diubahsuai ialah Raja-raja akan dihadapkan ke Mahkamah Khas sahaja.

"Peruntukan asal dalam perlembagaan bahawa Raja tidak boleh dihadapkan ke mahkamah biasa dikekalkan," kata Dr Mahathir.

Katanya, penyesuaian ini memerlukan dua perkara yang baru ditambah kepada rang undang-undang berkenaan iaitu mengenai kedudukan Yang di-Pertuan Agong atau kedudukan Raja sekiranya baginda atau Raja menghadapi tindakan undang-undang. -- Lagi.

▼08/03/17-25MST

Yang di-Pertuan Agong hendaklah berhenti menjalankan fungsinya sebagai Agong apabila menghadapi tindakan undang-undang.

Katanya, sekiranya Raja pula menghadapi tindakan undang-undang, Raja hendaklah berhenti menjalankan fungsi baginda dan jika didapati bersalah dan dihukum penjara lebih daripada sehari, akan diturunkan takhta melainkan jika baginda diampunkan.

Dalam tempoh Raja berhenti menjalankan fungsi-fungsi Raja, seorang pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja akan dilantik mengikut Perlembagaan Negeri untuk menjalankan fungsi Raja negeri berkenaan.

Bagi membolehkan fungsi-fungsi Raja itu dijalankan oleh seorang Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda.

"Penyusuaian ini, saya percaya, disyorkan oleh Raja-raja kerana tentulah aneh dan tidak dapat diterima oleh masyarakat dan juga oleh Raja-raja jika seorang Raja yang dihadapkan ke Mahkamah Khas ini terus menjalankan tugasnya sebagai Raja atau ianya masih terus menjadi Raja setelah dihukum oleh mahkamah dan menjalani hukuman." -- Lagi.

▼08/03/17-31MST

CNS3655

R GB 08-03 00165 BA663

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan) 3 Kuala Lumpur

Mengikut peruntukan Perkara 71 Fasal 4 Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri mesti mengandungi peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

Maka selaras dengan pindaan-pindaan yang diperbuat kepada Jadual Kelapan itu kerajaan negeri juga perlu mengambil tindakan untuk meminda Perlembagaan Negeri masing-masing supaya Perlembagaan Negeri juga selaras dengan peruntukan Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan.

"Adalah diharapkan kerajaan-kerajaan negeri akan menghormati keputusan Raja-raja dan Perlembagaan Persekutuan dengan membuat pindaan tersebut," katanya.

Kata Dr Mahathir, sekiranya Perlembagaan Negeri tidak juga dipinda supaya peruntukan Perlembagaan Negeri sejajar dengan pindaan yang dibuat kepada Jadual Kelapan itu, maka mengikut kuasa yang diberi di bawah Perkara 71 Fasal 4 Perlembagaan Persekutuan, satu undang-undang boleh dibuat di peringkat Persekutuan untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan di dalam Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan itu dapat juga dikuatkuasakan di dalam negeri-negeri.

"Dengan demikian kita berharap pindaan-pindaan yang dimaksudkan itu akan dilaksanakan oleh semua Kerajaan Negeri," katanya. -- Lagi.

▼08/03/17-33MST

CNS3656

R GB 08-03 00108 BA664

bah

Parlimen - Mahathir (Pindaan) 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Pindaan yang kedua, kata Perdana Menteri, ialah sebarang tindakan terhadap Raja-raja tidak boleh diambil tanpa persetujuan Peguam Negara.

Ini bagi menjamin Raja-raja tidak diheret ke mahkamah oleh pihak-pihak yang hendak memalukan Raja-raja atas sebab-sebab yang tidak berasas.

Dr Mahathir juga berkata jika Parlimen meluluskan Rang Undang-undang ini, sama ada dengan pengubahsuaian atau tidak, ia akan dikembalikan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jika Yang di-Pertuan Agong memperkenankannya, maka ia akan menjadi sebahagian daripada undang-undang yang sah, jika tidak diperkenankan ia akan menjadi sah selepas genap 30 hari, katanya. -- Bernama.

▼08/03/17-33MST